



MENGEKALKAN INTEGRITI PASARAN DAN MELINDUNGI PELABUR



PENGENALAN

Integriti pasaran adalah penting untuk mengukuhkan standard tingkah laku pasaran yang wajar dan memacu kestabilan pasaran. Pada 2021, SC meneruskan tumpuan usaha kawal selianya untuk memastikan pasaran kekal tangkas, berdaya tahan dan responsif di sebalik pandemik COVID-19. SC terus memantau rapi risiko sistemik yang muncul dan melaksanakan pelbagai inisiatif kawal selia yang bertujuan untuk melindungi kepentingan pelabur dan pihak berkepentingan.

Bagi mengekalkan standard tadbir urus yang tinggi dalam kalangan peserta pasaran dan memastikan pasaran modal yang berfungsi dengan teratur, pendekatan dan tumpuan penyeliaan SC ke atas pengantara, institusi dan pasaran turut diperkukuhkan, disokong oleh tindakan penguatkuasaan bagi pelanggaran undang-undang sekuriti yang serius.

PEMANTAUAN DAN PENGURUSAN RISIKO

Walaupun keadaan pasaran kewangan global bertambah baik berikutan kadar imunisasi terhadap COVID-19 yang baik dan penyambungan semula aktiviti ekonomi, ancaman seperti kemunculan varian COVID-19 baharu terus menyebabkan ketidaktentuan kepada pasaran modal global dan domestik. Oleh itu, adalah penting untuk mengesan dari awal kemunculan risiko dan kerentanan bagi mengekalkan kestabilan sistemik dalam pasaran modal. Berlatarbelakangkan situasi ini, SC terus berwaspada terhadap potensi risiko penurunan dan langkah-langkah yang sesuai tersedia bagi memastikan operasi pasaran modal yang adil dan teratur pada setiap masa.

Mengurangkan Risiko Sistemik dan Meningkatkan Kestabilan Kewangan

Rangka Kerja Tadbir Urus Risiko yang dipertingkatkan

Pada 2021, rangka kerja tadbir urus risiko seluruh SC telah dipertingkatkan sebagai sebahagian daripada inisiatif menyeluruh untuk mewujudkan pendekatan pemantauan risiko yang lebih bersepadu dan mampu meramal. Rangka kerja tadbir urus risiko menyepadukan spektrum risiko yang lebih luas seperti risiko teknologi, siber dan tatalaku. Ini dijalankan dalam Jawatankuasa Pengawasan Risiko Sistemik

(SROC) dan Jawatankuasa Pemantauan Perakaunan, Pasaran dan Korporat SC (AMCS).

Pengawasan yang dipertingkatkan

Sesi libat urus SROC kerap diadakan untuk membincangkan kebimbangan yang timbul daripada pelbagai segmen di seluruh pasaran modal. Pasaran ekuiti dan bon domestik, aliran dana asing dan penyertaan dagangan terus dipantau rapi untuk mengenal pasti sumber tekanan yang berpotensi. Selain itu, kedudukan kewangan syarikat tersenarai dan pakej rangsangan ekonomi telah diperkenalkan oleh kerajaan untuk menangani impak COVID-19 merupakan antara bidang tumpuan yang dibincangkan.

Penilaian tematik

SC turut menjalankan penilaian tematik yang meliputi aliran dana pelabur, kedudukan firma yang rentan terhadap risiko kredit dan pasaran, keputusan dasar kerajaan seperti pengumuman bajet bagi memastikan impak yang berpotensi ke atas pasaran modal. Pada 2021, SC menyemak dan mempertingkatkan petunjuk krisisnya bagi risiko baru muncul yang berpotensi dalam pasaran modal. Petunjuk krisis yang dipertingkatkan ini adalah sebagai rujukan untuk perhatian SROC apabila petunjuk dan pencetus yang dikenal pasti menjadi kenyataan dan memastikan tindak balas segera untuk mengurus dan mencegah sebarang isu kebimbangan yang boleh menimbulkan krisis sistemik.

Perbincangan kawal selia bersama

Pada 2021, SC kerap mengadakan sesi perbincangan kawal selia bersama dan perkongsian maklumat dengan pihak pengawal selia lain seperti BNM dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) untuk mengenal pasti bidang kebimbangan risiko sistemik dalam kewangan dan pasaran modal di Malaysia.

Pemantauan pelbagai komponen pasaran modal

SC meneruskan usahanya untuk melaksanakan pendekatan bersepadu untuk memantau, mengurangkan atau mengurus risiko sistemik yang berpotensi. Rajah 1 mengetengahkan penemuan daripada penilaian risiko berikut ke atas pelbagai komponen pasaran modal.

RAJAH 1

Penilaian Risiko ke atas Pelbagai Komponen Pasaran Modal



Pasaran Ekuiti dan Infrastruktur

- Kecairan domestik yang mencukupi untuk memudah cara aktiviti pelaburan yang cekap.
- Pemutus litar pasaran yang menyeluruh dan had harga yang dinamik dan statik bagi ekuiti tersedia sebagai sebahagian daripada mekanisme pengurusan risiko untuk menangani volatiliti pasaran yang berlebihan. Pada 2021, tiada pencetus litar pasaran diaktifkan.
- Dana Jaminan Penjelasan Ekuiti dan Derivatif tersedia untuk mengurus peningkatan tekanan secara tiba-tiba.



Pasaran Bon

- Pergerakan hasil sejajar dengan pasaran serantau di tengah-tengah dasar monetari yang akomodatif.
- Kadar mungkir bon korporat kekal rendah.



Syarikat Tersenarai

- Perolehan korporat bagi 2021 telah meningkat berbanding 2020, sebahagian besarnya disebabkan oleh permintaan berterusan terhadap produk sarung tangan perubatan dan harga minyak sawit mentah, minyak mentah dan isi rung sawit yang lebih tinggi. Walau bagaimanapun, berdasarkan prestasi suku ke suku (q-o-q), perolehan korporat merosot pada Q3 2021 disebabkan oleh gangguan perniagaan yang terkesan dengan perintah kawalan pergerakan (PKP).
- Syarikat awam tersenarai (PLC) yang terkesan dengan syarat kewangan tidak memuaskan telah diberi kelonggaran sementara daripada dikelaskan sebagai syarikat *Nota Amalan 17 (PN17)/Nota Panduan 3 (GN3)*. Setakat 31 Disember 2021, sejumlah 21 PLC yang berada di bawah Kriteria Penggantungan PN17/GN3 antara 17 April 2020 dan 31 Disember 2021, meraih manfaat daripada tempoh kelonggaran selama 18 bulan.
- Ketika PLC menerima normal baharu, momentum perolehan korporat dijangka bertambah baik apabila ekonomi negara menuju ke arah pemulihan.

Penilaian Risiko ke atas Pelbagai Komponen Pasaran Modal

(Sambungan)



Aliran Pelaburan

- Kecairan domestik terus disokong oleh institusi dan pelabur runcit tempatan.
- Saham pegangan asing dalam pasaran bon tinggi sedikit daripada purata 5 tahun sebahagian besarnya disebabkan perbezaan hasil yang agak tinggi berbanding kebanyakan bon pasaran maju, menarik minat pelabur di samping prospek pemulihan domestik yang kukuh.
- Pegangan ekuiti asing naik turut bawah purata 5 tahunnya di tengah-tengah aliran keluar bersih daripada pasaran ekuiti.



Pengurusan Pelaburan

- Pengurus dana telah menyediakan proses pengurusan risiko kecairan yang mencukupi untuk mengurus penebusan dengan cara yang teratur.



Pengantara Broker Saham

- Kawalan pengurusan risiko broker saham cukup mantap untuk mengurus pendedahan ketika tempoh volatiliti tinggi termasuk risiko kredit yang timbul daripada pembiayaan margin.
- Kedudukan kecukupan modal broker saham berasaskan risiko yang terkini kekal melebihi tahap keperluan kewangan minimum yang ditetapkan.

RENCANA 1

PELEPASAN SUSULAN COVID-19

Pada 2021, pelbagai langkah dan fleksibiliti bersasar yang telah diteruskan dan diperkenalkan oleh SC untuk membolehkan peserta pasaran modal menghadapi kesan COVID-19. SC terus memantau perkembangan yang mempengaruhi pasaran modal dan menilai kecukupan langkah sedia ada untuk menyokong pasaran yang teratur dan mengurangkan risiko yang berpotensi.

- | | |
|--|---|
| <p>(a)   Baca seterusnya mengenai pengumuman berkaitan COVID-19</p> | <p>(e)   Baca seterusnya mengenai 'Pasaran modal Malaysia pamer ketahanan pada tahun COVID-19'</p> |
| <p>(b)   Baca seterusnya mengenai siaran media 'SOP MKN bagi pasaran modal dan panduan SC bagi mesyuarat secara maya bagi penerbit tersenarai'</p> | <p>(f)   Baca seterusnya mengenai siaran media 'SC dan Bursa Malaysia beri pengecualian kepada syarikat memohon penyenaraian'</p> |
| <p>(c)   Baca lanjut mengenai siaran media 'Pelabur diingatkan agar berhati-hati apabila serta bilik sembang media sosial yang mempromosi dagangan saham tertentu'</p> | <p>(g)   Baca seterusnya mengenai kelonggaran kepada pemegang lesen perkhidmatan pasaran modal dan individu berdaftar</p> |
| <p>(d)   Baca seterusnya mengenai siaran media 'SC dan Bursa Malaysia umum langkah bantuan tambahan sementara bagi penerbit tersenarai'</p> | |

MENERAPKAN KEBERTANGGUNGJAWABAN BERSAMA DALAM PASARAN MODAL

SC terus mengguna pakai pelbagai intervensi untuk memupuk amalan dan budaya tadbir urus korporat yang baik dalam seluruh ekosistem pasaran termasuk pengarah, pemegang saham, dan pengawal pasaran. Langkah-langkah juga telah dilaksanakan untuk memupuk kefahaman awal mengenai tadbir urus dalam kalangan belia.

Menggalakkan Tadbir Urus Korporat yang Baik

Memantau pemakaian tadbir urus

Pada 24 November 2021, SC mengeluarkan *Corporate Governance Monitor 2021* (CG Monitor 2021), yang membentangkan kemajuan penerimaan *Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia* (MCCG) edisi 2017 dan kualiti penzahiran tadbir Urus (CG). Tahap pemakaian bagi majoriti amalan kekal positif, dengan 24 daripada 36

amalan terbaik mencatatkan tahap pemakaian sekurang-kurangnya 90%. Walau bagaimanapun, pemakaian amalan Yang Dipertingkatkan kekal antara yang paling rendah berbanding amalan lain dalam MCCG.

Menggalakkan Kelayakan ESG dan Kepimpinan Lembaga Pengarah melalui Keutamaan Strategik Tadbir Urus Korporat SC

Corporate Governance Strategic Priorities 2021-2023 (Keutamaan Strategik CG) yang dilancarkan pada November 2021, menggariskan 11 inisiatif bersasar seperti pengenalan program kemasukan mengenai kemampanan untuk para pengarah, meningkatkan ketersediaan data tadbir urus korporat melalui penggunaan alat digital dan mempertingkat perbincangan bersama para belia mengenai tadbir urus korporat dan kemampanan melalui usaha sama dengan pihak universiti. Keutamaan Strategik CG juga merupakan komponen penting CMP3 yang dilancarkan pada September 2021 untuk menetapkan hala tuju pasaran modal Malaysia bagi tempoh lima tahun akan datang (Rajah 2).

PEMAKAIAN MCCG

24

(2020: 23) Amalan terbaik MCCG mempunyai tahap pemakaian melebihi 90%

79%

(2020: 78%) Syarikat tersenarai memakai sekurang-kurang satu amalan Yang Dipertingkat

Gesaan untuk Tindakan

Amalan yang menghendaki tindakan segera oleh lembaga pengarah



Penzahiran imbuhan pengurusan kanan




Pemakaian dasar dan sasaran kepelbagaian gender



Penzahiran maklumat kemampanan yang andal dan diperlukan untuk membuat keputusan

RAJAH 2

TERAS DAN INISIATIF UTAMA TADBIR URUS KORPORAT KEUTAMAAN STRATEGIK 2021 – 2023



Sumber: Keutamaan Strategik CG 2021-2023.

Menggalakkan kepimpinan lembaga pengarah dan pemantauan kemampuhan melalui MCCG yang dikemas kini

Pada 28 April 2021, SC mengeluarkan MCCG yang disemak semula, yang memperkenalkan amalan terbaik baharu dan menyediakan panduan lanjut untuk mengukuhkan budaya tadbir urus korporat syarikat tersenarai. Antara lain, MCCG yang disemak semula itu memberi penekanan kepada keperluan pengawasan dan tindakan yang berkesan oleh lembaga pengarah dan pengurusan kanan dalam menangani risiko dan peluang kemampuhan syarikat.

Memupuk kefahaman awal mengenai isu dan prinsip CG dalam kalangan belia melalui universiti

Pada 30 April 2021, SC dan Universiti Monash (Malaysia) memeterai perjanjian kerjasama untuk menggalakkan pemahaman awal tentang prinsip dan amalan tadbir urus korporat dalam kalangan pelajar Universiti Monash, melalui syarahan jemputan dan usaha penyelidikan bersama.

Kerjasama itu merupakan hasil usaha SC untuk memacu tadbir urus korporat yang baik dengan memupuk budaya ini dalam kalangan belia dan menyokong mereka mencapai potensi penuh mereka sebagai pemimpin pada masa hadapan dan ejen perubahan positif.

Nota Panduan dan Soalan Lazim Berhubung Tatacara Mesyuarat Agung bagi Penerbit Tersenarai

*Guidance Note on the Conduct of General Meetings for Listed Issuers*¹ (Nota Panduan) telah disemak semula pada 2021, untuk memudahkan tatacara mesyuarat agung secara maya sepenuhnya², dan untuk menekankan keperluan bagi lembaga pengarah menangani semua soalan yang dikemukakan oleh pemegang saham ketika mesyuarat agung, tanpa mengira cara mesyuarat itu diadakan; sama ada secara maya sepenuhnya, hibrid atau fizikal.

Mengukuhkan Tadbir Urus GLIC melalui PERKUKUH

Pada 12 Ogos 2021, Kerajaan melancarkan program PERKUKUH, yang mengandungi 20 inisiatif utama untuk mengukuhkan struktur dan tadbir urus keseluruhan GLIC di Malaysia.

Diterajui oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), SC menyokong pembangunan keperluan dan amalan terbaik tadbir urus asas yang perlu diguna pakai oleh GLIC. SC turut bekerjasama rapat dengan Majlis Pelabur Institusi (IIC) untuk mengemas kini dan mempertingkatkan *Kod Institusi Pelabur Malaysia* (MCII) untuk mencapai pengendalian berorientasikan hasil. Sehubungan ini, Capital Markets Malaysia (CMM) akan bekerjasama rapat dengan MOF dan pihak SC untuk meningkatkan keperluan pembinaan keupayaan GLIC demi mewujudkan lembaga pengarah yang sedia ESG sepenuhnya.

¹ Nota Panduan ini dikeluarkan untuk membimbing semua penerbit yang tersenarai di Bursa Malaysia Securities Bhd dan syarikat pengurusan dana unit amanah berhubung pengendalian mesyuarat agung, termasuk Mesyuarat Agung Tahunan, Mesyuarat Agung Luar Biasa, dan Mesyuarat Pemegang Unit semasa pandemik COVID-19 di mana penjarakan fizikal dan langkah keselamatan dan pencegahan lain mesti dilaksanakan. Ini termasuk mengendalikan mesyuarat agung secara maya sepenuhnya, maya, hibrid dan fizikal.

² Di bawah Nota Panduan ini, mesyuarat maya sepenuhnya merujuk kepada mesyuarat agung di mana semua peserta termasuk Pengerusi, ahli lembaga pengarah, pengurusan kanan dan pemegang saham mengambil bahagian secara dalam talian. Mesyuarat maya merujuk kepada mesyuarat agung yang dijalankan di tempat penyiaran, di mana hanya individu penting sahaja hadir fizikal untuk mengendalikan mesyuarat manakala semua pemegang saham mengambil bahagian secara dalam talian.

Kaji selidik Pengerusi 2021

Pada Ogos 2021, SC bekerjasama dengan Institut Pengarah Korporat Malaysia (ICDM) untuk menjalankan “Kaji selidik Pengerusi” yang julung kali diadakan untuk mendapatkan pandangan daripada pengerusi-pengerusi syarikat tersenarai mengenai keutamaan Lembaga pengarah pada 2022 dan status dinamik lembaga pengarah.

Sorotan Semakan Tematik

Kaji selidik Pengerusi 2021

Bilangan responden – 325
Pengerusi syarikat tersenarai



Kaji selidik Pengerusi 2021 dijalankan oleh SC dengan Kerjasama ICDM.

91% Pengerusi berpendapat bahawa komposisi terkini lembaga pengarah adalah optimum

Aspek komposisi lembaga pengarah terkini yang manakah boleh ditambah baik?



■ Bilangan pengerusi yang memilih aspek sebagai bidang untuk penambahbaikan

RENCANA 2

PENILAIAN KAWAL SELIA URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN

SC menjalankan penilaian tematik untuk mengkaji rejim kawal selia dan amalan urus niaga pihak berkaitan (RPT) oleh PLC secara menyeluruh. Hasil daripada penilaian tersebut dan pandangan mengenai amalan, impak pasaran, dan aturan tadbir urus RPT akan memberi panduan kepada SC berkaitan dasar kawal selia ke atas RPT pada masa akan datang. Beberapa aspek penilaian ini telah dijalankan dengan kerjasama ahli-ahli akademik Fakulti Perniagaan, Monash University Malaysia³.

Secara amnya, RPT merujuk kepada urus niaga yang dilaksanakan oleh PLC yang melibatkan kepentingan pengarah, pemegang saham utama atau individu yang berkaitan dengan pengarah atau pemegang saham utama⁴ tersebut. Laporan oleh Pertubuhan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) dan CFA Institute sebelum ini menyatakan bahawa RPT bukan perkara luar biasa di rantau Asia, dan walaupun bukan semua RPT memudaratkan, kejadian RPT yang memudaratkan boleh mendatangkan kesan buruk kepada pelabur⁵.

Pemerhatian Penilaian Kawal Selia

Berdasarkan analisis daripada 5,500 pengumuman transaksi antara tahun 2016 dan tahun 2020, penemuan SC adalah:

494_{PLC}

((sekitar 50% daripada PLC) membuat sekurang-kurangnya satu pengumuman RPT dalam tempoh tersebut. Ini menunjukkan bahawa RPT sangat lazim dalam kalangan PLC Malaysia

206_{PLC}

membuat hanya pengumuman RPT

148_{PLC}

membuat pengumuman RPT dan RPT berulang

140_{PLC}

membuat pengumuman RPT berulang sahaja

Nota: Saiz RPT juga berbeza dengan ketara, dari puluhan juta ringgit Malaysia (RM) kepada beberapa bilion RM.

³ SC ingin mengucapkan penghargaan kepada Profesor Keshab Shrestha dari Monash University Malaysia atas sumbangan beliau kepada kajian ini.

⁴ Walaupun terdapat beberapa definisi RPT, rencana ini merujuk kepada definisi dalam Keperluan Penyenaraian Bursa Malaysia.

⁵ Rujuk kepada 'Guide on Fighting Abusive Related Party Transactions in Asia (2009)' oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) dan 'Related-Party Transactions: Cautionary Tales for Investors in Asia (2009)' oleh CFA Institute

Salah satu hasil yang diinginkan daripada penilaian ini adalah untuk mengukur impak harga daripada pengumuman RPT. Analisis mendapati terdapat kesan yang ketara terhadap pergerakan harga saham pada hari selepas pengumuman RPT dibuat. SC juga mendapati pergerakan harga atas purata pada hari menjelang pengumuman RPT, yang menunjukkan bahawa mungkin terdapat kebocoran maklumat yang sensitif harga.

Penilaian SC ke atas beberapa RPT besar (dari RM250 juta hingga lebih daripada RM3 bilion) mendapati RPT yang membabitkan PLC dalam kumpulan keluarga dan mempunyai pengarah bebas yang telah lama berkhidmat⁶, perlu dipantau rapi bagi memastikan bahawa urus niaga yang dijalankan tidak merugikan pemegang saham minoriti. Terdapat juga kes di mana isu dan kebimbangan berhubung RPT yang didedahkan oleh juruaudit PLC yang mengalami masalah kewangan.

Pelabur juga hendaklah memberi perhatian khusus kepada pengumuman umum berhubung urus niaga antara pihak berkaitan yang hanya dikaitkan jawatan pengarah biasa, dan memorandum persefahaman atau ketua perjanjian antara pihak berkaitan. Ini adalah kerana transaksi atau urus niaga sedemikian masih boleh membawa risiko penghakisan perlindungan terhadap pemegang saham minoriti.

Memandangkan kelaziman RPT dalam kalangan PLC di Malaysia, lembaga pengarah PLC, terutamanya Jawatankuasa Audit, mesti mewujudkan proses dan kawalan yang berkesan untuk mencegah RPT yang memudaratkan, dan memastikan keputusan yang dibuat ke atas RPT adalah demi kepentingan terbaik PLC dan pemegang sahamnya. Tambahan pula, PLC hendaklah memastikan bahawa penzahiran RPT dan urus niaga lain antara pihak berkaitan adalah tepat pada masanya, lengkap dan tepat. Memandangkan potensi impak harga daripada pengumuman RPT, dasar dalaman PLC mengenai pengendalian dan perlindungan maklumat material bukan awam hendaklah meliputi RPT yang berkemungkinan mempunyai impak harga yang ketara. Sebagai sebahagian daripada tugas kawal selianya yang berterusan, SC akan memantau rapi ancaman yang timbul dan berpotensi kepada pelabur, dan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk melindungi mereka.

⁶ Pengarah bebas yang telah lama berkhidmat merujuk kepada Pengarah Bebas yang telah berkhidmat lebih daripada sembilan tahun.

Menggalakkan kawal seliaan sendiri

Selaras dengan strategi utama CMP3, SC mengeluarkan *Guidance Note on Co-operation and Self-Reporting* pada 23 Jun 2021 untuk menggalakkan resolusi awal bagi tindakan penguatkuasaan.

Sebagai insentif untuk mengiktiraf usaha mereka yang tampil dan bekerjasama dengan SC, entiti dan individu akan ditawarkan 'kredit' dalam bentuk pengurangan denda dan penalti.

Bidang utama dalam Nota Panduan tersebut ialah:

- (a) Contoh kerjasama yang berbeza-beza, termasuk pelaporan sendiri;
- (b) Ciri-ciri pelaporan sendiri;
- (c) Perkara yang dikehendaki ketika membuat pelaporan sendiri mengenai pelanggaran kepada SC. Ini termasuk perkara berikut:
 - i. Pelaporan hendaklah dilakukan dengan kadar segera selepas seseorang menyedari berlaku pelanggaran dan sebelum SC sendiri menyedari akan pelanggaran tersebut; dan
 - ii. Pelaporan mestilah setepat dan selengkap mungkin.

MENINGKATKAN PENGAWASAN DAN PENYELIAAN PASARAN MODAL

Fungsi dan kemampuan pemantauan dan penyeliaan yang proaktif dan mantap adalah penting untuk memastikan tatalaku dan amalan yang wajar oleh peserta pasaran di samping mengekalkan kepercayaan dalam pasaran modal. Berikutan risiko baru muncul dan kebimbangan yang dikenal pasti, SC menjalankan aktiviti kawal selia dan inisiatif yang bermatlamat untuk mengukuhkan dan meningkatkan keupayaan penyeliaan dan pemantauan.

Memupuk Ketahanan Pasaran, Infrastruktur dan Institusi Melalui Penyeliaan dan Pengawasan Berterusan

Penyeliaan dan pemantauan institusi dan pasaran

Pemantauan ke atas Bursa Malaysia

Teknologi adalah penting untuk meningkatkan operasi infrastruktur pasaran yang adil, teratur dan telus. Oleh kerana infrastruktur dan sistem IT semakin berautomasi, saling berhubungan dan kompleks dari semasa ke semasa, keteguhan dan daya tahan teknologi pasaran, sistem dan proses yang berkaitan adalah kritikal. Sebagai satu-satunya bursa bersepadu yang dibenarkan di Malaysia, Bursa Malaysia diharap dapat menawarkan kepada orang ramai sebuah platform dagangan yang andal, cekap dan telus.

Untuk maklumat mengenai Penilaian Kawal Selia ke atas Bursa Malaysia, sila rujuk Rajah 3.

Bursa Malaysia sebagai Pusat Sehenti untuk Pasaran ACE

Susulan pengumuman pada 2020 mengenai pemindahan keseluruhan rangka kerja pasaran ACE, termasuk pendaftaran prospektus kepada Bursa Malaysia, peraturan dan rangka kerja operasi yang relevan telah disediakan.

Bursa Malaysia akan mengambil alih peranan sebagai pusat sehenti bagi pasaran ACE, berkuat kuasa 1 Januari 2022.

RAJAH 3

PENILAIAN KAWAL SELIA KE ATAS BURSA MALAYSIA

LATAR BELAKANG

Pada September 2021, SC melengkapkan penilaian kawal selianya ke atas Bursa Malaysia, dengan memberi tumpuan kepada infrastruktur teknologi, sistem aplikasi kritikal dan kecekapannya. Penilaian tersebut menyemak bagaimana operasi disokong dari perspektif teknikal dan strategik, serta memastikan integriti dan kebolehpercayaan sistem bahagian hadapan broker.

Dalam melaksanakan semakan tersebut, SC menekankan bahawa Bursa Malaysia perlu mempunyai perkara berikut:

- Rangka tindakan dan hala tuju teknologi yang komprehensif yang sejajar dengan objektif perniagaan jangka panjangnya; dan
- Rangka kerja pengurusan risiko teknologi yang mantap untuk memastikan tahap ketersediaan, kebolehpercayaan, kebolehskalaan dan kebolehpulihan sistem yang tinggi.

PEMERHATIAN

Tiada kebimbangan segera berhubung keupayaan infrastruktur dan sistem IT Bursa Malaysia untuk memenuhi keperluan semasanya.

Namun begitu, disarankan agar Bursa Malaysia melaksanakan pelan pemulihan berikut dalam tempoh satu hingga dua tahun akan datang:

- Beralih kepada pendekatan proaktif dalam memantau isu berpotensi, berbanding pendekatan reaktif sedia ada, yang mungkin melewatkan waktu tindak balas dan meningkatkan potensi risiko masa henti sistem;
- Melaksanakan rangka kerja ujian yang lebih ketat untuk menyokong pengenalan sistem baharu untuk memenuhi keperluan pada masa hadapan;
- Mengukuhkan disiplin operasi untuk meminimumkan kesan prestasi sistem dan mengurangkan risiko kegagalan memberikan perkhidmatan cekap yang berterusan; dan
- Meningkatkan kemahiran dan memberi kemahiran baharu kepada kakitangan dalam menghadapi perubahan teknologi.

HASIL

Secara umumnya, Bursa Malaysia telah mengambil langkah-langkah untuk melaksanakan cadangan yang dinyatakan dalam penilaian kawal selia. Bursa Malaysia akan menerajui usaha untuk menjadikan landskap dagangannya kalis masa depan agar sejajar dengan keperluan perniagaan pada masa hadapan:

- Pulih dan berubah untuk menangani jurang sedia ada dan kebimbangan yang perlu ditangani segera:
 - Melaksanakan semua aktiviti pemulihan yang dinyatakan dalam penilaian kawal selia;
 - Memulakan usaha untuk meningkatkan kemahiran tenaga kerja sedia ada dan mendapatkan sumber yang tepat untuk keperluannya; dan
 - Memulakan anjakan minda daripada reaktif kepada proaktif dalam pemantauan sistem dan aplikasi IT.
- Inovasi dan transformasi untuk menyediakan Bursa bagi menghadapi masa hadapan:
 - Mengamalkan pemantauan proaktif untuk meningkatkan keupayaan untuk mengenal pasti isu yang muncul tepat pada masanya;
 - Membangunkan dan merancang infrastruktur teknologi masa hadapan untuk memenuhi keperluan baharu perniagaan dan pasaran yang berubah-ubah; dan
 - Komited terhadap sumber kewangan yang diperlukan untuk membolehkan transformasi.

Pemantauan terhadap Pengendali Pasaran Diiktiraf

Memandangkan pasaran yang diiktiraf ialah pasaran tanpa pengantaraan yang mengambil pelabur dan pelanggan secara langsung, peranan SC adalah untuk mengawasi pematuan pengendali pasaran yang diiktiraf (RMO) terhadap antara lain, *Guidelines on Recognized Markets* (Garis Panduan RMO), *Guidelines on Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing for Capital Market Intermediaries* dan

Guidelines on Implementation of Targeted Financial Sanctions Relating to Proliferation Financing for Capital Market Intermediaries (TFS-PS Guidelines). Di samping itu, memandangkan RMO juga diharapkan agar memantau dan mengurangkan keselamatan siber dan risiko infrastruktur dalam *Guidelines on Management of Cyber Risks* (Garis Panduan Risiko Siber).

Untuk maklumat mengenai Penilaian Kawal Selia Tematik ke atas Bursa Aset Digital, sila rujuk Rajah 4.

RAJAH 4

PENILAIAN KAWAL SELIA TEMATIK KE ATAS BURSA ASET DIGITAL

LATAR BELAKANG

SC menggunakan pendekatan berasaskan risiko terhadap pengawasan RMO. Menyedari risiko yang berkaitan dengan aset digital, pengubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan percambahan, peningkatan risiko ancaman keselamatan siber dan gangguan sistem, SC menyelesaikan penilaian kawal selia tematik ke atas tiga bursa aset digital (DAX) pada Ogos 2021. Penting bagi DAX untuk memastikan proses, prosedur, amalan dan sistem yang berkaitan disediakan untuk memacu infrastruktur pasaran yang berfungsi dengan baik demi integriti dan reputasi pasaran modal Malaysia.

PEMERHATIAN

Secara amnya, RMO mempunyai pemahaman yang mencukupi tentang risiko Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan (AML/CFT) mereka dan tanggungjawab teknologi dan risiko siber yang ditetapkan di bawah pelbagai Garis Panduan SC dan secara amnya mematuhi kewajipan yang ditetapkan dalam Garis Panduan.

BIDANG PENAMBAHBAIKAN

Bidang utama berikut telah dikenal pasti memerlukan penambahbaikan lanjut, antaranya:



- Lembaga pengarah dan pengurusan kanan dikehendaki mengambil tanggungjawab yang lebih besar terhadap dasar dan prosedur pencegahan wang haram (AML), pengurusan sistem teknologi serta memastikan ketekalan amalan dengan dasar dan prosedur yang disediakan



- Meningkatkan dokumentasi dan penyimpanan rekod untuk menambah baik keberkesanan fungsi pematuan



- Memastikan kawalan akses yang mencukupi untuk pangkalan data dan dompet aset digital

Memastikan dagangan yang adil dan teratur melalui pemantauan proaktif

SC terus menjalankan pemantauan proaktif bagi memastikan dagangan yang adil dan teratur dalam pasaran modal. Dalam suasana volatiliti pasaran dan penyertaan runcit yang aktif, SC meningkatkan pemantauannya terhadap aktiviti pasaran untuk memastikan pengesanan dan pemakluman salah laku dagangan serta pengenalpastian arah aliran dan risiko yang baru muncul yang tepat pada masanya. Sehubungan ini, pelbagai penilaian tematik telah dijalankan untuk memudah cara fungsi keseluruhan pengurusan risiko pasaran SC.

Sebagai sebahagian daripada pengawasan SC ke atas Bursa Malaysia sebagai pengawal selia barisan hadapan, libat urus turut diadakan bersama bursa saham untuk memastikan langkah-langkah preemptif yang pantas diambil bagi membendung penyelewengan dagangan pada peringkat awal. Langkah-langkah preemptif tersebut termasuk sesi libat urus Bursa Malaysia dengan pengantara pasaran modal untuk berkongsi kebimbangan dan membincangkan intervensi yang berkemungkinan.

Pemantauan Aktiviti Jualan Singkat Dikawal selia

Pada 4 Januari 2021, aktiviti jualan singkat dikawal selia (RSS) disambung semula selepas digantung sementara selama sembilan bulan sejak Mac 2020. Selepas dagangan disambung semula, aktiviti pengurusan risiko yang diperbaharui menyebabkan dagangan RSS yang agak aktif sebelum menyederhana kepada purata kira-kira 1% daripada jumlah nilai pasaran yang didagangkan sepanjang 2021. Di samping itu, perkembangan sekitar insiden pemerasan singkat GameStop oleh peruncit di AS telah menimbulkan kebimbangan terhadap risiko serupa yang berkaitan dengan aktiviti jualan singkat domestik. Walau bagaimanapun, risiko tersebut tidak timbul dalam pasaran domestik disebabkan oleh persekitaran dan rangka kerja kawal selia yang berbeza, termasuk antara lain, had kedudukan jualan singkat yang ditetapkan.

Namun begitu, SC memantau rapi aktiviti RSS bagi memastikan urus niaga dijalankan secara adil dan teratur, dan risiko yang muncul diurus dengan berkesan. Secara keseluruhan, aktiviti RSS ditadbir dengan baik melalui

langkah kawalan sedia ada yang dipertingkatkan dalam memastikan kestabilan pasaran dan mengurangkan risiko pelabur mengambil kedudukan singkat bersih yang berlebihan. Kawalan tersebut termasuk had kedudukan singkat bersih agregat yang lebih ketat, peraturan penanda (*tick rule*) dagangan dan had volum jualan singkat harian.

Pemantauan aktiviti korporat

Pemantauan proaktif ke atas penzahiran dan aktiviti korporat syarikat tersenarai telah dijalankan untuk mengesan potensi pelanggaran undang-undang sekuriti atau ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan dengan memanfaatkan alat dan teknologi pengawasan, serta menjalankan semakan tematik untuk mengenal pasti bidang berisiko.

Berdasarkan bidang risiko yang dikenal pasti pada 2021, aktiviti pemantauan dan semakan telah dijalankan ke atas amalan korporat syarikat tersenarai. Di samping itu, libat urus telah dijalankan bersama pengarah, juruaudit berkanun dan pihak berkepentingan lain yang membabitkan 25 syarikat tersenarai.

Apabila semakan dan penilaian amalan korporat syarikat tersenarai mendedahkan potensi pelanggaran undang-undang sekuriti, perkara tersebut akan dirujuk untuk siasatan lanjut dan/atau untuk tindakan penguatkuasaan. Dalam kes di mana penyelewengan berpotensi yang diperhatikan adalah di luar bidang kuasa SC, rujukan akan dibuat kepada pihak berkuasa lain untuk tindakan mereka.

■ Penzahiran yang Mengelirukans

Pada 2021, salah laku berpotensi yang dikesan oleh SC termasuk kemungkinan penzahiran mengelirukan dilakukan oleh syarikat tersenarai, yang mungkin telah mendorong aktiviti dagangan sekuriti atau mempengaruhi harga pasaran sekuriti. Dengan meningkatnya pengumuman mengenai COVID-19 atau usaha niaga berkaitan penjagaan kesihatan, SC memantau dan menilai dengan teliti penzahiran yang dibuat untuk memastikan mereka tidak mengambil kesempatan daripada wabak semasa dengan membuat mana-mana kenyataan palsu atau mengelirukan yang mungkin mempengaruhi pelabur dalam membuat keputusan pelaburan.

Ketidakpatuhan terhadap Piawaian Pelaporan Kewangan

SC terus mengadakan libat urus dengan syarikat tersenarai dan juruaudit berkanunnya untuk menggalakkan penyata kewangan yang berkualiti tinggi dan boleh dipercayai. Antara pelanggaran yang diperhatikan pada 2021 ialah ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan berhubung pengolahan perakaunan bagi pelaburan dalam dana borong.

SC memerhatikan bahawa syarikat tersenarai tertentu mengurus lebih tunai mereka dengan melabur dalam dana borong dan terdapat situasi di mana dana borong dilihat sebahagian besarnya digunakan untuk memenuhi keperluan pengurusan tunai khusus syarikat tersenarai tersebut. Beberapa dana borong ini memegang portfolio pelaburan yang sebahagian besarnya atau keseluruhannya terdiri daripada alat kewangan syarikat tersenarai tersebut dan syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya. Ini mungkin menyebabkan syarikat tersenarai mempunyai kawalan yang berkesan ke atas dana borong. Jika kawalan sedemikian wujud, layanan perakaunan untuk pelaburan syarikat tersenarai dalam dana borong hendaklah dinilai dan ditunjukkan dengan sewajarnya.

Di samping itu, SC juga menyatakan contoh ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan berhubung kegagalan untuk mengklasifikasikan semula sukuk kekal tertentu daripada instrumen ekuiti kepada liabiliti kewangan apabila syarikat tersenarai tidak lagi mempunyai hak tanpa syarat untuk mengelakkan penebusan sukuk kekal.

Bidang pelanggaran korporat yang lain

Bidang pelanggaran korporat yang ditangani pada 2021 termasuk:

- Penipuan berhubung dengan pemerolehan asset pada harga yang dinaikkan;
- Penipuan berhubung dengan penerbitan sekuriti menurut skim opsyen saham pekerja;
- Kerugian yang salah melalui salah guna pinjaman yang diperolei daripada kemudahan kredit;
- Kerugian yang salah melalui salah guna hasil daripada pelaksanaan pengumpulan dana;
- Penipuan perakaunan melibatkan transaksi palsu yang dinyatakan dalam penyata kewangan untuk menaikkan pendapatan dan keuntungan; dan
- Ketidakpatuhan terhadap piawaian perakaunan yang diluluskan berkaitan dengan penzahiran urus niaga pihak berkaitan yang utama.

Pengawasan terhadap pasaran bon korporat dan sukuk

Sebagai sebahagian daripada aktiviti penyeliaan berterusan SC ke atas pasaran bon korporat dan sukuk, penerbit bon korporat dari sektor perniagaan yang dikenal pasti terkesan dengan pandemik COVID-19 telah dipantau rapi. Sektor-sektor ini termasuk, antara lain, hartanah, infrastruktur, dan utiliti serta minyak dan gas. Beberapa penerbit bon korporat telah memohon pembabitan pelabur bagi pengecualian sama ada dalam pembayaran kupon, keuntungan atau prinsipal, atau pelanjutan masa untuk memenuhi nisbah kewangan yang dipersetujui serta bentuk pembiayaan semula yang lain. Walau bagaimanapun penerbit bon korporat ini, terdiri daripada bahagian yang amat kecil daripada pasaran bon korporat dan sukuk.

Pasaran bon korporat dan sukuk mencatatkan satu penerbit mungkin (pada Februari 2021) berjumlah RM70 juta atau 0.0009% daripada jumlah bon korporat dan sukuk belum tebus. Sepuluh penurunan taraf juga dicatatkan pada 2021, berbanding enam pada 2020. Sepuluh penurunan penarafan tersebut adalah daripada sektor infrastruktur dan utiliti (3), sektor hartanah (2), sektor kewangan (2) dan penghutang pengguna serta sektor perdagangan dan perkhidmatan (3). Bagi prospek penarafan, terdapat 10 semakin menurun dalam prospek bon korporat pada 2021 berbanding 16 pada 2020. Daripada 10 semakin tersebut, satu penerbit telah disemak daripada prospek positif kepada stabil, dan sembilan penerbit telah disemak daripada prospek stabil kepada negatif.

Pengawasan Terhadap Pengantara Pasaran Modal

Meningkatkan pemantauan luar tapak terhadap pengantara pasaran

Untuk melengkapkan penilaian mayanya, sesi libat urus yang kerap ke atas profil risiko pengantara dijalankan melalui bersama pihak pengurusan kanan pengantara.

SC juga mempergiat pengumpulan data daripada pengantara untuk memantau dan menilai secara proaktif risiko yang berpunca daripada pandemik. Data dan maklumat tambahan dinilai dengan lebih terperinci dalam tempoh masa yang lebih singkat untuk membolehkan SC membangunkan petunjuk penyeliaan utama bagi memudahkan analisis dan pemantauan risiko yang baru muncul. Di samping itu, ujian tekanan telah dijalankan dengan lebih kerap bagi menilai ketahanan kewangan pengantara dan mengikuti status kecairan dan penebusan dana.

Di samping itu, SC telah mempertingkatkan platform pengumpulan datanya dan membangunkan alatan analisis baharu. Ini telah meningkatkan kecekapan dalam

proses pengumpulan, pengekstrakan dan penelitian data penyeliaan.

Beberapa semakan tematik telah dijalankan sebagai sebahagian daripada aktiviti penyeliaan.

Semakan tematik ke atas pemegang amanah bon


Semakan tematik luar tapak telah dijalankan ke atas pemegang amanah bon berdaftar yang dikenal pasti untuk menilai bidang utama operasi pemegang amanah bon, pelan tindak balas pandemik yang jelas serta tugas dan tanggungjawab pemegang amanah bon berhubung jabatan operasinya dan pematuan terhadap *Guidelines on the Registration and Conduct of Capital Market Services Providers* (Garis Panduan CMSP).

Berdasarkan semakan tematik yang dijalankan, surat penyeliaan telah dikeluarkan kepada pemegang amanah bon yang berkaitan, berhubung pemerhatian dan penemuan SC termasuk kelemahan yang dikesan dan tindakan pemulihan yang perlu dilaksanakan.

Ringkasan pemerhatian diperincikan dalam Rajah 5.

RAJAH 5

BIDANG PENEMUAN DAN PEMERHATAN PEMERIKSAAN TERHADAP PEMEGANG AMANAH BON



SEMAKAN TEMATIK KE ATAS AMALAN SRI

LATAR BELAKANG

Risiko alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) semakin diiktiraf sebagai sumber risiko kewangan. SC menjalankan semakan tematik untuk menilai dasar dan amalan semasa yang diterima pakai oleh syarikat pengurusan dana (FMC) dalam menguruskan risiko ESG. Semakan tematik telah dijalankan melalui kaji selidik dan pembabitan dengan FMC terpilih.

PEMERHATIAN UTAMA

- FMCs telah mula membangunkan **kemampuan perantaraan SRI** tetapi pada tahap pembangunan yang berbeza antara FMCS asing dan tempatan.
- **FMC Asing:**
 - Secara umumnya menunjukkan tahap kesedaran dan kematangan yang lebih tinggi dengan memanfaatkan kepakaran dan amalan global, dengan sesetengahnya mempunyai alat proprietari dalaman untuk menilai dan memasukkan faktor ESG ke dalam proses pelaburan dan pembuatan keputusan mereka.
 - Ini termasuk integrasi kaedah kualitatif dan kuantitatif daripada pelbagai sumber oleh pakar ESG dalaman, data pihak ketiga dan menggunakan model ESG proprietari.
- **FMC Tempatan:**
 - Secara umumnya, pada peringkat awal pembangunan, ada yang telah mencapai kemajuan yang baik dengan komitmen di peringkat Lembaga Pengarah untuk menyediakan rangka kerja pelaburan yang bertanggungjawab termasuk perumusan strategi SRI, memperuntukkan belanjawan dan penubuhan kumpulan kerja/jawatankuasa SRI yang berdedikasi.
 - Kebanyakannya telah menggunakan kaedah dan penarafan saringan pihak ketiga.
 - Ada yang telah membuat pengaturan dengan pakar dan pengurus SRI luar. Ini telah mempercepatkan pengenalan dana SRI ke dalam pasaran, pada masa yang sama membolehkan pemindahan pengetahuan dan keupayaan dalaman dibangunkan dari semasa ke semasa.
- Pemerhatian dan penemuan daripada semakan tematik ini relevan antara lainnya untuk perancangan pembabitan dan komunikasi masa depan SC dengan FMC, termasuk cadangan pengeluaran panduan untuk membantu FMC menguruskan risiko ESG.
- **Cabaran:**
 - Kekurangan data dan penzahiran daripada penerbit untuk FMC menilai dengan secukupnya dan mengurus kesan berpotensi risiko ESG.
 - Alam pelaburan yang terhad.
 - Walau bagaimanapun, SC berpendapat bahawa FMC memainkan peranan yang penting dalam mengubah landskap dengan mempengaruhi penerbit untuk beralih dan menggunakan amalan perniagaan mampan dan meningkatkan kualiti pelaporan ESG melalui pemilikan aktif.

HASIL PENYELIAAN

Selaras dengan *Sustainable and Responsible Investment Roadmap for the Malaysian Capital Market* (Pelan Hala Tuju SRI), CMP3 dan perkembangan kawal selia global, SC menyasarkan untuk mengeluarkan Nota Panduan Mengurus Risiko ESG untuk membantu dan membimbing FMC dalam mewujudkan dan membangunkan lagi rangka kerja pelaburan bertanggungjawab mereka, berfokuskan pada pelaburan ESG dan polisi risiko, dan prosedur ke arah analisis dan pengurusan risiko ESG yang berkesan serta memudahkan pendedahan yang bermakna kepada pelabur. Nota Panduan yang dicadangkan disasarkan untuk dikeluarkan pada separuh pertama 2022.

Program Capaian mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram/Pencegahan Pembiayaan Keganasan

SC menganjurkan seminar satu hari untuk berkongsi dengan industri hasil dan cadangan Penilaian Risiko Kebangsaan mengenai Risiko Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan (ML/TF), yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyelaras Kebangsaan kepada Kumpulan Kerja Pencegahan Pengubahan Wang Haram. Di seminar itu, metodologi penarafan risiko sektoral juga dibincangkan dengan tujuan untuk menyokong industri mereka bentuk langkah berkesan untuk mengurus risiko ML/TF mereka, serta kawalan AML/CFT yang sepadan. Seminar itu akan meningkatkan lagi pemahaman industri tentang pendekatan berasaskan risiko untuk AML/CFT lanjutan daripada bengkel pematuhan mengenai AML/CFT pada 2020.

Panduan kepada Pengantara Pasaran

SC terus mengekalkan komunikasi terperinci dengan pengantara pasaran dan memberikan panduan melalui penerbitan Nota Panduan, pekeliling dan komunikasi kepada industri. Antaranya ialah:

- i. *Guidance Note on Controls by Fund Management Companies in Managing Material Non-Public Information*



[Baca seterusnya](#)

- ii. *Guidance Note on Practices by Fund Management Companies in respect of Wholesale Funds*




[Baca seterusnya](#)

- iii. *Guidance Note on Oversight of Licensed Representatives by Stockbroking Companies*



[Baca seterusnya](#)

NOTA PANDUAN MENGENAI PEMANTAUAN WAKIL NIAGA BERLESEN OLEH SYARIKAT PEMBROKERAN SAHAM



- iv. *Practice Note on Controls for Higher Daily Online Settlement*



[Baca seterusnya](#)

- v. Rencana bertajuk '*Upholding Corporate Anti-Bribery and Corruption Measures in the Capital Market*' dalam *The Reporter* terbitan SC



[Baca seterusnya](#)

- vi. Perkongsian pemerhatian dan amalan baik oleh Pengantara Pasaran Modal dengan Peruntukan Liabiliti Korporat

- vii. Berkomunikasi dengan pengantara mengenai keperluan untuk memastikan maklumat pelanggan dikemas

- viii. Pekeliling kepada Pemegang Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang menjalankan Urus niaga dalam Sekuriti mengenai pengendalian wang pelanggan.

Nota Panduan dan komunikasi ini menetapkan amalan terbaik, penjelasan serta bidang yang harus diberi perhatian lebih tinggi oleh pengantara atau meningkatkan pemantauan mereka.

Garis panduan baharu dan disemak semula

Untuk memastikan bahawa garis panduan SC kekal relevan, jelas, dan dikemas kini, garis panduan baharu telah dikeluarkan dan semakan telah dibuat kepada garis panduan yang berkenaan untuk memasukkan peruntukan tambahan untuk menangani pelbagai kebimbangan yang baru timbul.

Garis panduan	Butiran Semakan
<i>Guidelines on Prevention of Money Laundering and Terrorism Financing for Reporting Institutions in the Capital Market</i> (Disemak semula: 26 April 2021)	
<i>Guidelines on Market Conduct and Business Practices for Stockbroking Companies and Licensed Representatives</i> (Disemak semula: 20 Mei 2021)	
<i>Guidelines on Compliance Function for Fund Management Companies</i> (Disemak semula: 5 Julai 2021 dan 21 Disember 2021)	
<i>Guidelines on Corporate Governance for Capital Market Intermediaries</i> (Dikeluarkan: 31 Disember 2021)	
<i>Guidelines on Conduct for Capital Market Intermediaries</i> (Dikeluarkan 31 Disember 2021)	

MENGHADAPI ERA DIGITAL

Walaupun SC mengalu-alukan inovasi digital yang memberi manfaat kepada pasaran modal, ia juga menyedari risiko yang mungkin timbul yang berkaitan dengan bidang digital. Khususnya dengan meningkatnya penggunaan pendigitalan dalam aktiviti pasaran modal, operasi pengantara pasaran, infrastruktur pasaran dan platform pembiayaan berasaskan pasaran memerlukan pengurusan risiko keselamatan siber yang berwaspada untuk meminimumkan gangguan kepada pasaran modal, melindungi data sulit pelabur dan memelihara keyakinan pasaran.

Penggunaan data dan teknologi yang lebih meluas akan membolehkan SC meningkatkan keupayaan pemantauan, pengawasan dan analisisnya serta menyokong penyeliaan dan penggubalan dasar yang berpandangan ke hadapan. Ini juga akan melengkapkan penggunaan Teknologi Kawal Selia (RegTech) dalam industri, meningkatkan hasil pematuhan, mengukuhkan pelaporan dan mengurus risiko utama dengan lebih baik untuk mendapatkan kecekapan keseluruhan yang lebih baik.

Meningkatkan daya tahan siber

Ancaman keselamatan siber yang berkembang dengan pesat memberikan cabaran yang semakin meningkat kepada organisasi di seluruh dunia. Sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan budaya keselamatan siber yang kukuh dalam entiti pasaran modal, SC telah melaksanakan pelbagai program untuk meningkatkan kebersihan siber dan meningkatkan kesedaran tentang risiko siber.

Simulasi Siber Pasaran Modal 2021

SC bekerjasama dengan Agensi Keselamatan Siber Negara dan Cybersecurity Malaysia untuk menyelaraskan latihan simulasi siber tahunan keempat untuk entiti pasaran modal. Sebanyak 101 syarikat mengambil bahagian dalam simulasi tersebut (peningkatan sembilan berbanding pada 2020), termasuk syarikat yang bergantung kepada teknologi dan mempunyai kesan kewangan yang tinggi ke atas pasaran modal. Objektif utama latihan ini adalah untuk menilai kecekapan dan kelemahan prosedur tindak balas insiden keselamatan siber sedia ada, dan keputusan

yang diperoleh kemudiannya digunakan untuk menilai daya tahan keselamatan siber entiti pasaran modal.

Pada 2021, senario yang lebih sukar telah disimulasikan dengan tema 'Tekanan Berganda yang Memberi Impak kepada Pasaran Modal'. Ini selaras dengan pemerhatian SC terhadap landskap ancaman global, di mana di sebalik sekadar menyulitkan fail, penjenayah siber menggunakan perisian tebusan pemerasan berganda yang mengekstrak data terlebih dahulu. Sebagai contoh, organisasi yang tidak mahu membayar wang tebusan yang dituntut boleh mengakibatkan maklumat mereka dibocorkan dalam talian atau dijual di laman web tertutup.

Berdasarkan latihan simulasi, secara keseluruhannya, SC mendapati peserta memperoleh lebih banyak pengalaman dan kemahiran dalam keselamatan siber dan pengendalian insiden apabila diberikan senario yang lebih sukar tahun demi tahun. Simulasi itu memenuhi objektif untuk meningkatkan kesedaran dan tindak balas segera terhadap serangan siber yang mengancam pasaran modal secara berleluasa.

Perisikan Ancaman

Dalam usahanya yang berterusan untuk memupuk nasihat dan komunikasi keselamatan siber yang lebih mantap kepada pasaran modal, SC meneroka kepakaran kumpulan keselamatan siber untuk mendapatkan perisikan siber dari sumber global, diperkaya, dan perisikan siber yang boleh bertindak secara khusus industri. Pakar risikan keselamatan siber, sebagai hab antarabangsa yang dipercayai untuk perkongsian risikan siber, menyokong SC dalam mengekalkan rangka kerja keselamatan siber yang teguh dan dinamik untuk pasaran modal Malaysia. Pada 2021, SC mengeluarkan beberapa nasihat kepada entiti pasaran modal melalui portal keselamatan siber, SC Vault⁷ untuk memastikan mereka dimaklumkan tentang mitigasi yang berkesan dan mengambil tindakan proaktif terhadap ancaman siber.

Pematuhan terhadap Garis Panduan Pengurusan Risiko Siber dan Kaji selidik Pertahanan Siber

Dalam usaha untuk mengukuhkan ketahanan keselamatan siber pasaran, SC melaksanakan pengisytiharan sendiri mengenai status pematuhan entiti pasaran modal terhadap *Garis Panduan Pengurusan Risiko Siber dan Kaji selidik Pertahanan Siber*. Berikut adalah pelaksanaan

⁷ SC Vault merupakan portal keselamatan siber bagi SC mengadakan penglibatan bersama semua entiti pasaran modal sejak ia dilancarkan pada 2018. Selain daripada menyediakan khidmat nasihat, portal SC Vault juga digunakan oleh entiti pasaran modal untuk melaporkan sebarang insiden berkaitan siber kepada SC.

pengisytiharan sendiri tersebut, SC menjalankan kaji selidik mengenai penilaian pertahanan siber yang memberi tumpuan terhadap bidang pencegahan, pengesanan dan tindak balas tepat pada masanya terhadap serangan atau ancaman. Daripada kaji selidik tersebut, SC mengenal pasti usaha keselamatan siber yang memerlukan penambahbaikan selanjutnya untuk melancarkan pertahanan siber yang tangkas dengan berkesan.

Pemantauan insiden siber pasaran

Pada 2021, dunia menyaksikan skala besar kelemahan keselamatan dan serangan siber. Insiden-insiden siber ini telah memberi kesan kepada organisasi dari semua saiz, terutamanya mereka yang kurang kesedaran dan keupayaan untuk mempertahankan diri. Di peringkat tempatan, SC mencatatkan lebih tinggi kejadian perisian tebusan, pelanggaran data, dan pancingan data berbanding pada tahun 2020. Ini menunjukkan cabaran yang semakin meningkat berkaitan keselamatan siber dan perlindungan privasi, yang menguatkan lagi keperluan untuk SC melibatkan diri bersama industri dan menambah tindak balas industri dan keupayaan pemulihan.

Mengguna Pakai Teknologi Penyeliaan

Selaras dengan usaha ke atas SupTech, alat analisis data telah dibangunkan untuk melengkapi sistem pengawasan pasaran terasnya untuk menganalisis aktiviti dagangan. Alat analitik data adalah berdasarkan model kuantitatif untuk menyokong analisis mendalam ke atas data dagangan yang besar dan kompleks serta pengenalan corak seperti kelompok dagangan yang berpotensi dalam kalangan peserta pasaran. Ini membolehkan SC menganalisis kemungkinan salah laku pasaran dengan lebih cekap.

Sebagai contoh, untuk memudahkan pengawasan dan pemantauan yang lebih cekap terhadap aktiviti dagangan dalam aset digital yang semakin aktif, SC menggunakan kepakaran analitik data dalaman untuk membangunkan dan meningkatkan papan pemuka pemantauan yang sesuai dalam memberikan pandangan dan analisis berkaitan data dagangan DAX yang banyak. Selain itu, SC juga mengadakan libat urus bersama DAX berdaftar untuk menangani sebarang kebimbangan dagangan dan untuk terus memudahkan pembangunan peserta pasaran dalam rangka kerja aset digital dikawal selia.


SC melaksanakan projek perintis SupTech yang merangkumi pelaburan dana. Maklumat lanjut mengenai projek ini boleh didapati di Rajah 6.

RAJAH 6

MENGGUNA PAKAI SUPTECH

Fasa pertama projek Suptech melibatkan pengumpulan data mengenai pelaburan oleh dana unit amanah daripada pengantara terpilih, diikuti dengan proses pembersihan data yang memerlukan libat urus aktif dengan pengantara bagi memastikan data yang telah dibersihkan dan boleh digunakan untuk pemodelan, visualisasi dan analisis data berikutnya. Hasil yang diharapkan daripada pelaksanaan ini adalah untuk memudahkan cara dan membolehkan penyelia mempunyai pandangan menyeluruh mengenai pelaburan mengikut dana unit amanah, serta mengenal pasti potensi risiko berdasarkan kriteria yang dikenal pasti di peringkat dana, pengantara atau industri.

SC menjangkakan bahawa projek ini akan diperluaskan ke pelbagai bidang lain untuk meningkatkan secara beransur-ansur kaedah penyelidikan semasa, pensampelan data dan penilaian proses kepada pandangan berasaskan populasi dan gambaran penuh tentang tingkah laku dan amalan pengantara untuk membolehkan intervensi terhadap risiko yang muncul dilaksanakan tepat pada masanya.



MENUMPUKAN KEPADA PENGUATKUASAAN YANG PANTAS, BERKESAN DAN BERSASAR

Untuk mengimbangi integriti pasaran dengan perkadaran serta memastikan pencegahan yang berkesan dan berwibawa, strategi penguatkuasaan yang dijalankan pada 2021 tertumpu kepada mencapai hasil yang pantas, berkesan dan disasarkan.

TINDAKAN PENGUATKUASAAN PADA 2021

PENDAKWAAN JENAYAH

Sebanyak 10 pertuduhan jenayah dikenakan terhadap enam individu dan satu syarikat awam tersenarai kerana aktiviti tidak berlesen dan memberi maklumat palsu dalam pelaporan kewangan. Selain itu, satu permohonan pelucuthakan jenayah telah difailkan terhadap seorang individu dan satu syarikat sendirian berhad berkaitan dengan kesalahan pengubahan wang haram. Tiga sabitan telah diperolehi terhadap tiga individu bagi kes melibatkan dagangan orang dalam, memberikan maklumat mengelirukan dalam pelaporan kewangan, dan kegagalan untuk hadir di hadapan Pegawai Penyiasat SC berkaitan dengan siasatan di bawah *Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram, Pencegahan Keganasan dan Hasil Daripada Aktiviti Haram 2021* (AMLATFPUAA).



6 individu dan 1 entiti dikenakan pertuduhan



10 pertuduhan jenayah yang dikenakan



1 individu dan 1 entiti yang terlibat dalam permohonan pelucuthakan jenayah



1 permohonan pelucuthakan jenayah



3 sabitan yang diperolehi



3 hukuman penjara



RM7,575,000 jumlah denda yang dikenakan

Mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia

Pada 30 September 2021, Ong Kar Kian (Ong), mantan Akauntan Kumpulan entiti tersenarai Asia Media Group Bhd (Asia Media) menghadapi pertuduhan jenayah berhubung pemalsuan hasil dalam keputusan suku tahunan Asia Media untuk suku ke-4 2015.



[Baca Seterusnya Mengenai Kemas Kini Pendakwaan Jenayah Pada 2021](#)



[Baca seterusnya mengenai siaran media 'SC kenakan pertuduhan terhadap bekas akauntan Asia Media Group Bhd'](#)

Mengemukakan maklumat palsu kepada Bursa Malaysia

Pada 28 dan 29 Disember 2021, SC mendakwa Serba Dinamik Holdings Bhd (Serba Dinamik), Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Kumpulannya – Dato' Dr Ir. Ts. Mohd Abdul Karim Abdullah dan pegawainya – Datuk Syed Nazim Syed Faisal, Azhan Azmi dan Muhammad Hafiz Othman dengan memberikan kenyataan palsu berhubung angka hasil RM6.014 bilion yang terkandung dalam Laporan Suku Tahunan Serba Dinamik mengenai Keputusan Disatukan bagi Suku Tahun dan Tahun Berakhir 31 Disember 2020.



[Baca seterusnya mengenai siaran media 'SC tuduh Serba Dinamik, pengarah dan pegawainya untuk maklumat palsu dalam penyata kewangannya'](#)

Mengemukakan maklumat mengelirukan kepada Bursa Malaysia

Pada 18 Oktober 2021, Mahkamah Tinggi menolak rayuan Gan Boon Aun (Gan) terhadap sabitan kesalahan dengan sengaja memberikan maklumat mengelirukan kepada Bursa Malaysia. Maklumat yang mengelirukan itu adalah berhubung hasil Transmile Group Bhd (Transmile) dalam Laporan Suku Tahunan mengenai Keputusan yang Digabungkan Belum Diaudit bagi Tahun Kewangan berakhir 31 Disember 2006.



[Baca seterusnya mengenai kemas kini pendakwaan jenayah pada 2021](#)



[Baca seterusnya mengenai siaran media 'Waran tangkap dikeluarkan ke atas bekas CEO Transmile'](#)

Rampasan aset jenayah bagi kesalahan pengubahan wang haram

Pada 3 Mei 2021, susulan daripada siasatan yang dijalankan oleh SC, Pendakwa Raya (PP) memfailkan Notis Usul bagi perampasan aset di bawah seksyen 56 AMLATFPUAA terhadap Havana Bayview Sdn Bhd (Havana Bayview) dan Wong Shee Kai (Ricky Wong). Permohonan itu difailkan untuk menyita harta yang dirampas iaitu sebuah pangsapuri mewah jutaan ringgit di Kuala Lumpur milik Havana Bayview dan sejumlah RM445,039.28 dalam akaun bank peribadi Ricky Wong. Ini adalah permohonan perampasan aset kedua berhubung kesalahan penipuan sekuriti.



[Baca seterusnya mengenai pemfailan permohonan rampasan \(Wong Shee Kai\)](#)



[Baca seterusnya mengenai siaran media 'SC mohon bantuan untuk mengesan Ricky Wong Shee Kai'](#)

Bertindak sebagai pengurus dana tanpa lesen SC

Pada 24 Mac 2021, Uzir Abdul Samad (Uzir), mantan pengarah UAS Management Bistari Sdn Bhd menghadapi tiga pertuduhan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru kerana menjalankan aktiviti pengurusan dana yang dikawal selia tanpa lesen dan menipu pelabur. Salah satu pertuduhan tersebut adalah di bawah seksyen 58(1) *Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007* (CMSA) kerana bertindak sebagai pengurus dana tanpa memiliki Lesen Perkhidmatan Pasaran Modal yang dikeluarkan oleh SC ketika itu.



[Baca seterusnya mengenai pendakwaan jenayah dimulakan \(Uzir Abdul Samad\)](#)



[Baca seterusnya mengenai siaran media 'SC mohon bantuan awam untuk mengesan Uzir Abdul Samad'](#)



[Baca seterusnya mengenai siaran media 'SC kenakan pertuduhan ke atas pengurus dana tidak berlesen'](#)

Dagangan Orang Dalam oleh Orang Dalaman Korporat

Fang Siew Yee (Fang), mantan Pengarah Eksekutif Three-A Resources Bhd (3A), mengaku bersalah atas sembilan pertuduhan berkaitan dengan dagangan orang dalam pada 24 Mac 2021. Pada mulanya Fang didakwa pada 2016 dengan satu pertuduhan menyampaikan maklumat material bukan awam kepada bapa saudaranya, Fong Chiew Hean di bawah seksyen 188(3) CMSA. Maklumat itu adalah berhubung cadangan usaha sama kolektif antara 3A dan Wilmar International Ltd (Wilmar) yang melibatkan penempatan tertutup sebanyak 20% daripada modal saham terbitan dan berbayar 3A kepada Wilmar.



[Baca seterusnya mengenai keputusan perbicaraan dan rayuan jenayah \(Fang Siew Yee\)](#)



[Baca seterusnya mengenai siaran media 'Bekas pengarah eksekutif Three-A mengaku bersalah terhadap dagangan orang dalam'](#)

Dagangan Orang Dalam oleh Orang Dalaman Korporat

Pada 13 Oktober 2021, SC memeterai penyelesaian kawal selia dengan peguam Dato' Sreesanthan Eliathamby (Sreesanthan) kerana pelanggaran dagangan orang dalam di bawah seksyen 89E(2)(a) SIA dan 188(2)(a) CMSA. Sreesanthan membayar sejumlah RM900,000 sebagai penyelesaian untuk memperoleh saham Maxis Communications Bhd (Maxis), UEM World Bhd (UEM), dan VADS Bhd (VADS) ketika memiliki maklumat material bukan awam.



[Baca seterusnya mengenai keputusan perbicaraan dan rayuan jenayah \(Dato' Sreesanthan A/L Eliathamby\)](#)



[Baca seterusnya mengenai siaran media 'Dato' Sreesanthan, peguam selesai pertuduhan SC bagi dalam dagangan orang dalam'](#)

TINDAKAN SIVIL

SC memfailkan enam tindakan sivil pada 2021 terhadap 10 individu. Empat penghakiman persetujuan juga direkodkan antara SC dan lapan individu.



**6 tindakan sivil
yang difailkan**



10 individu



**Bil. kehakiman yang
diperoleh selepas
perbicaraan penuh:
1 kes melibatkan 6
individu**



**Bil. kehakiman
persetujuan yang
direkodkan: 4 kes
melibatkan 8 individu**



**Jumlah yang diperoleh
semula/perintah
pengembalian wang
oleh mahkamah:
RM16,042,991.41**



**Jumlah penalti
sivil yang
dikenakan:
RM2.5 juta**

SC melaksanakan kuasa sivil untuk memperoleh semula kerugian pelabur kerana penipuan

Pada 30 Mac 2021, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur memerintahkan RBTR Asset Management Bhd (RBTR) dan lima defendan lain iaitu Locke Guarantee Trust Ltd (LGT) New Zealand, Locke Capital Investments Ltd (LCI) British Virgin Island, Isaac Paul Ratnam, Joseph Lee Chee Hock, dan Nicholas Chan Weng Sung (Defendan) membayar RM13.352 juta sebagai pembayaran balik di atas tindakan mereka dalam skim Pelaburan Deposit Euro (EDI).



[Baca seterusnya mengenai butiran tindakan sivil \(Rbtr Asset Management Bhd, Locke Capital Investments Ltd \(LCI\) British Virgin Island, Isaac Paul Ratnam, Joseph Lee Chee Hock, dan Nicholas Chan Weng Sung\)](#)

PENYELESAIAN KAWAL SELIA



9 kes penyelesaian kawal selia yang diadakan



10 individu terlibat



Sebanyak RM4,962,565.81 diperolehi semula

PENGEMBALIAN WANG



Sebanyak RM2,741,864.85 dikembalikan



721 pelabur menerima pengembalian wang



Sebanyak RM1,601,388.79 juta dikenal pasti untuk dikembalikan



501 pelabur dikenal pasti untuk menerima pengembalian wang selanjutnya

PERINTAH HALANGAN

Bilangan individu dihalang daripada berdagang di Bursa Malaysia



3 pengarah PLC



1 individu berlesen



1 individu swasta

Bilangan individu dihalang daripada menjadi Pengarah



5 pengarah PLC



1 individu berlesen



1 individu swasta

TINDAKAN PENTADBIRAN

Sebanyak 136 sekatan pentadbiran dikenakan bagi pelbagai pelanggaran undang-undang sekuriti dan Garis Panduan SC.



Beroperasi sebagai RMO tanpa Kebenaran daripada SC

Pada 26 Julai 2021, SC mengenakan celaan dan mengeluarkan arahan terhadap Binance Holdings Ltd, Binance Digital Ltd, Binance UAB, Binance Asia Services Pte Ltd, dan Zhao Changpeng (Zhao), Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Binance Holdings Ltd kerana mengendalikan bursa aset digital tanpa mendaftar sebagai RMO dengan SC.



[Baca seterusnya mengenai butiran tindakan pentadbiran \(Binance Holding Ltd\)](#)



[Baca seterusnya siaran media 'SC ambil tindakan penguatkuasaan terhadap Binance kerana beroperasi secara tidak sah di Malaysia'](#)

NOTIS PELANGGARAN

Selain daripada alat penguatkuasaan formal, SC juga bergantung pada alat penguatkuasaan bukan berkanunnya semasa menjalankan fungsi pemantauan, pengawalan dan penyeliaan. Untuk tujuan ini, Notis Pelanggaran dikeluarkan bagi pelanggaran undang-undang sekuriti atau Garis Panduan SC yang tidak memerlukan tindakan jenayah, sivil atau pentadbiran. Sebanyak 133 Notis Pelanggaran telah dikeluarkan pada 2021, seperti yang diperincikan di bawah:



**41 surat
penyeliaan
melibatkan
pelanggaran
yang
dikeluarkan**



**22 surat
amaran yang
dikeluarkan**



**42 surat
ketidakpatuhan
yang dikeluarkan**



**28 surat henti
operasi yang
dikeluarkan**

Perintah Henti Operasi daripada mengendalikan bursa tidak terpusat

Berikutan maklumat yang diterima daripada orang ramai, SC mengeluarkan perintah henti operasi kepada RimauSwap (<https://rimauswap.finance/>) kerana mengendalikan bursa tidak terpusat (DEX) tanpa kebenaran. RimauSwap juga diletakkan dalam Senarai Peringatan Pelabur SC. SC tidak memberi kebenaran kepada mana-mana pengendali DEX di Malaysia. Pelabur diberi amaran bahawa mereka yang berdagang dengan entiti atau individu tidak berlesen atau tidak berdaftar tidak dilindungi di bawah undang-undang sekuriti Malaysia, dan terdedah kepada risiko, seperti penipuan dan pengubahan wang haram.



[Baca seterusnya siaran media 'SC beri amaran terhadap bursa ternyahpusat \(DEX\) yang tidak dibenarkan, keluar perintah henti kepada Rimau Swap'](#)

SOROTAN KES: PENYELESAIAN KAWAL SELIA DENGAN AMMB HOLDINGS BHD

Siasatan SC ke atas penglibatan Kumpulan AmBank dalam hal berkaitan 1MDB

SC telah menyelesaikan siasatannya ke atas AMMB Holdings Bhd (Kumpulan AmBank) kerana terlibat dalam perbuatan untuk menipu Kerajaan Malaysia (GOM) dan 1MDB serta ketidakpatuhan terhadap undang-undang dan garis panduan SC yang berkaitan. Pelanggaran tersebut adalah berkaitan dengan:

- Program Nota Jangka Sederhana Islam (IMTN) Dijamin Kerajaan, berjumlah RM5.0 bilion, yang tamat tempoh pada 2039, diterbitkan oleh Lembaga Pelaburan Terengganu (kini dikenali sebagai 1MDB) pada Mei 2009; dan
- Program Sukuk Murabahah berjumlah RM2.4 bilion, yang tamat tempoh antara 2021 dan 2024, diterbitkan oleh Bandar Malaysia Sdn Bhd pada Februari 2014 dan Disember 2014.

Pada 26 Februari 2021, Kumpulan AmBank bersetuju untuk membayar RM2.83 bilion kepada GOM untuk penyelesaian global bagi semua tuntutan dan tindakan tertunggak berhubung penglibatan Kumpulan AmBank dalam hal berkaitan 1MDB.



[Baca seterusnya penyelesaian kawal selia dengan AMMB Holdings Bhd](#)

Inisiatif berterusan untuk meningkatkan tindakan penguatkuasaan

Kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang lain dan siasatan rentas sempadan

Menyedari bahawa kesalahan sekuriti tiada had sempadan dan mungkin melibatkan pelbagai bidang kuasa dan/atau pihak berkuasa, usaha penguatkuasaan SC telah dipertingkatkan lagi melalui kejayaan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang dan/atau pengawal selia di dalam dan di luar Malaysia.

SC turut menyertai operasi bersama yang diselenggarakan oleh Pusat Anti Jenayah Kewangan Kebangsaan bersama BNM, Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Cyber Security Malaysia.

Bagi kerjasama antarabangsa, Memorandum Persefahaman Pelbagai Hala IOSCO (IOSCO MMoU) merupakan mekanisme utama yang digunakan untuk perkongsian maklumat dan pengumpulan bukti mengenai salah laku rentas sempadan. Pada 2021, SC berhubung dengan 15 pihak berkuasa penyeliaan asing menurut MMoU IOSCO, untuk memohon bantuan daripada rakan sekerjanya.

Penguatkuasaan yang dipercepat

Untuk mempercepatkan hasil beberapa tindakan penguatkuasaan SC, Pasukan Petugas dalaman khas telah dibentuk. Pada 2021, empat Pasukan Petugas khas yang berasingan telah ditubuhkan untuk hasil penguatkuasaan yang lebih pantas.

SC juga telah mempertingkatkan proses dalamannya dengan melaksanakan Proses Penguatkuasaan yang Dipercepat yang memudahkan semakan dan penyiasatan pantas ke atas kes yang dikenal pasti.

Keupayaan yang dipertingkatkan melalui pendigitalan yang lebih besar dalam proses penyiasatan dan penguatkuasaan

SC menubuhkan pasukan Forensik Digital (DF) dalaman pada September 2020 sebagai sebahagian daripada inisiatifnya untuk meningkatkan kecekapan. Pada 2021, terdapat peningkatan yang ketara sebanyak 500% untuk penilaian berkaitan DF (seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah), dengan peningkatan ketara masa pusing balik daripada tiga-enam bulan sebelumnya kepada purata tiga minggu dalam menangani permintaan yang dibuat.

Tahun	Bilangan permintaan	
2020	8*	} >500% peningkatan
2021	51	

* semua permintaan DF sebelum September 2020 dikendalikan oleh pihak luar

Pasukan DF terus meningkatkan skop dan keupayaannya, mengikuti perkembangan dalam ruang forensik digital melalui kerjasama yang mantap dengan komuniti forensik digital tempatan dan antarabangsa.

Memanfaatkan teknologi ketika pandemik

SC telah merumus infrastruktur yang cekap, selamat dan terjamin bagi memastikan pegawai penyiasat (IO) terus berupaya melaksanakan tanggungjawab mereka secara kondusif di samping mematuhi SOP keselamatan kesihatan, termasuk protokol rakaman kenyataan saksi secara maya.

Kerjasama bagi pembinaan keupayaan dalam bidang aset digital

Kerjasama dan pertukaran pengetahuan, kemahiran dan kepakaran di kalangan pihak berkuasa penguatkuasaan undang-undang di dalam dan luar Malaysia adalah penting dalam memberi kejayaan siasatan SC. Dalam hal ini, SC berpeluang mendapatkan pandangan berharga melalui pakar dari AS mengenai siasatan aset digital melalui kerjasama bersama Kedutaan Amerika Syarikat di Kuala Lumpur. Usaha yang sama akan diteruskan dengan rakan antarabangsa yang lain secara tetap untuk membincangkan isu penguatkuasaan dan penyeliaan, serta meningkatkan protokol pertukaran maklumat.

MEMPERKASA PELABUR

Untuk memastikan pelabur berupaya membuat keputusan kewangan dan pelaburan bermaklumat, SC terus mengutamakan inisiatif pemerkasaan pelabur melalui program pendidikan pelabur. Ini termasuk penggunaan platform media sosial dengan lebih banyak untuk memaklumkan pelabur rentan tentang kemungkinan penipuan atau aktiviti tidak berlesen dan memperluas program mendekati pelabur agar lebih disasarkan kepada warga emas dan pelabur luar bandar.

Senarai Peringatan Pelabur

Pada 2021, SC membuat 275 masukan baharu dalam Senarai Peringatan Pelabur SC, berbanding 134 masukan pada 2020, memberi amaran kepada orang ramai agar tidak berurusan atau melabur dalam aktiviti tidak berlesen dan skim penipuan. Ini diikuti dengan pengumuman media dan hantaran di saluran sosial media InvestSmart® SC untuk memastikan capaian yang lebih luas kepada orang ramai.



Menyekat laman web dan halaman media sosial

SC, dengan bantuan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) telah menyekat 143 laman web yang didapati menjalankan aktiviti tidak berlesen, skim penipuan, dan menyalah guna nama dan logo SC. Selanjutnya, SC juga menerima bantuan daripada Facebook Malaysia untuk menyekat 35 akaun Facebook.

Tindakan bersasar ke atas khidmat nasihat pelaburan tidak berlesen

Pada 2021, SC meletakkan 40 pengendali yang terdiri daripada entiti dan individu berkaitan, dalam Senarai Peringatan Pelabur SC kerana menjalankan perniagaan khidmat nasihat pelaburan tanpa lesen. Pada masa yang sama, SC juga mengarahkan 23 pengendali sedemikian untuk berhenti daripada menjalankan semua aktiviti berhubung khidmat nasihat pelaburan tidak berlesen.



[Rujuk kepada Senarai Peringatan Pelabur SC](#)

Tingkah Laku dan Motivasi Pelabur

Pada 2021, SC memuktamadkan kaji selidik pelabur yang ditumpukan kepada golongan belia untuk menilai tahap pengetahuan, tingkah laku dan motivasi dalam penglibatan mereka dalam pasaran modal. SC telah melantik Nielsen Company (M) Sdn Bhd untuk menjalankan kaji selidik tersebut bagi pihaknya.

Kesedaran belia terhadap produk pasaran modal


Pemerhatian kaji selidik menunjukkan bahawa secara keseluruhannya, responden mengetahui lebih banyak produk bukan pasaran modal seperti insurans, Tabung Haji, simpanan tetap dan lain-lain, berbanding produk pasaran modal. Mengenai kesedaran tentang produk pasaran modal, unit amanah dan stok/saham adalah yang tertinggi, dengan 86% dan 65% responden mengetahui kedua-dua produk ini (Carta 1).

Pemerhatian juga mendedahkan bahawa keputusan pelaburan responden bukan semata-mata berdasarkan asas produk pelaburan. Sebaliknya, mereka didorong oleh pengaruh persekitaran seperti status sosioekonomi, keluarga, rakan, personaliti popular dan persepsi mereka terhadap produk atau jenama. Terdapat juga kecenderungan kebiasaan dalam kalangan responden, iaitu lebih suka melabur dalam produk yang mereka sudah biasa.


Carta
1

Kesedaran belia terhadap produk pasaran modal

7 Produk Pasaran Modal Teratas



6 Produk Bukan Pasaran Modal Teratas



Persepsi golongan belia terhadap risiko

Apa responden disoal tentang tahap risiko yang mereka sanggup ambil untuk pelaburan ideal mereka, hanya 3% daripada responden menganggap diri mereka mempunyai selera risiko yang tinggi. Ini mungkin menunjukkan bahawa pandemik menyebabkan pelabur memilih untuk mengelak risiko.

3%

Mempunyai selera risiko yang tinggi

97%

Mempunyai selera risiko rendah ke sederhana

Mengenai produk pasaran modal dan risiko yang berkaitan, responden melihat pelaburan dalam Amanah Saham Bumiputera (ASB) sebagai berisiko rendah. Sebagai perbandingan, 70% daripada


responden berpendapat bahawa pelaburan dalam stok/saham berisiko tinggi (Carta 2). Pemerhatian keseluruhan mencadangkan bahawa responden menganggap produk pasaran modal berisiko tinggi dan pandangan ini tidak berbeza dalam semua profil demografi.

Keutamaan belia

Membangunkan kekayaan dan pelaburan merupakan keutamaan kepada kira-kira satu pertiga daripada populasi sampel. Yang lainnya berpendapat dana kecemasan, simpanan untuk menyara keluarga, dan membayar hutang sebagai keutamaan mereka (Jadual 1). Ini menunjukkan bahawa responden akan menggunakan pendapatan mereka untuk dana kecemasan dan simpanan pada peringkat hidup lebih awal dan hanya menumpukan kepada persaraan di peringkat kemudian.

Carta
2

Persepsi belia terhadap risiko



*peringatan: asas rendah (<30)

■ Risiko tinggi

■ Risiko sederhana

■ Risiko rendah

■ Tidak tahu/Tidak pasti


Jadual 1	Keutamaan belia	
Keutamaan	%	
Mempunyai wang mencukupi yang diasingkan untuk tujuan kecemasan	69	
Mempunyai simpanan mencukupi untuk menyara anak-anak/keluarga	68	
Menyelesaikan hutang/pinjaman sedia ada	55	
Memulakan perniagaan sendiri	37	
Menambah kekayaan/pelaburan	35	
Membeli aset (cth. hartanah untuk tempat tinggal sendiri/sebagai pelaburan)	34	
Menabung untuk tujuan pendidikan sendiri	32	
Menambah dana persaraan	27	
Mempunyai wang yang mencukupi untuk masa terluang (cth. percutian, membeli barang yang diinginkan)	24	
Bersara awal	21	

SC mendapati responden mempertimbangkan beberapa faktor sebelum melabur seperti mengetahui jumlah wang yang ada untuk mereka melabur, nasihat serta cadangan daripada rakan dan keluarga termasuk potensi pulangan pelaburan. Ini menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai pendapatan boleh guna yang rendah mendapati lebih sukar untuk mengasingkan wang untuk pelaburan, terutamanya apabila kebimbangan terhadap risiko turut dipertimbangkan.

Faktor yang dipertimbangkan sebelum melabur	
47%	Berapa banyak wang yang saya ada untuk melabur
45%	Nasihat/cadangan daripada rakan dan keluarga/rakan kerja
44%	Potensi pulangan yang saya akan perolehi daripada pelaburan

Dari segi kaedah pembelajaran pilihan mengenai pasaran modal, 51% memilih ceramah pelaburan kewangan. Selain itu, pemerhatian juga menunjukkan bahawa responden lebih memilih media dalam talian seperti media sosial dan laman web, berbanding media tradisional seperti akhbar dan majalah (Carta 3).

Penemuan menunjukkan bahawa acara pendidikan pelabur SC adalah penting dan terus menjadi platform yang bermanfaat untuk pelabur memperoleh pengetahuan. Maklum balas yang dikumpul menjadi rujukan bagi SC untuk merumus intervensi yang perlu melalui program bersasar dalam mendekati pelabur, dan jika boleh, meningkatkan usaha perlindungan pelabur.



Inisiatif kesedaran InvestSmart® mengenai aktiviti tidak berlesen dan skim penipuan

Inisiatif pemeraksanaan pelabur SC, InvestSmart®, menjalankan pelbagai aktiviti untuk meningkatkan kecelikan pelaburan dan kesedaran mengenai aktiviti tidak berlesen dan skim penipuan kepada orang ramai. Ketika pandemik COVID-19 pada 2021, InvestSmart® terus menggunakan pelbagai alat digital dan dalam talian termasuk saluran media sosial seperti Facebook, Instagram, Twitter, dan YouTube untuk mendekati rakyat Malaysia. Ini merangkumi peringatan dan panduan berkala mengenai gesaan untuk menjauhi aktiviti tidak berlesen dan skim penipuan.



Pada 2021, SC mengambil bahagian dalam kempen #TakNakScam Facebook Malaysia yang diadakan bermula Julai hingga Oktober 2021, melibatkan sembilan institusi lain, termasuk PDRM dan Bursa Malaysia. Kempen tersebut dilancarkan pada 16 Julai 2021 dan berlangsung selama tiga bulan. Meningkatkan kesedaran mengenai aktiviti tidak berlesen dan skim penipuan kekal sebagai tumpuan utama InvestSmart® Fest 2021 Maya yang diadakan pada Oktober 2021, dengan tema, '#JagaDiri#JagaPelaburan'.



Sempena InvestSmart® Fest Maya 2021, acara Pencarian Harta Karun ScamBuster 2021 secara Maya telah dianjurkan dengan hashtag #SayNoToScams untuk lebih lanjut meningkatkan kesedaran tentang penipuan dan aktiviti tidak berlesen. Webinar Bulanan InvestSmart® Siri Dalam Talian dan Webinar Literasi Digital untuk Warga Emas telah dianjurkan kepada orang ramai untuk memperoleh pengetahuan tentang produk yang sah dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh pasaran modal. Webinar ini, yang telah dirakam dan seterusnya dimuat naik ke dalam platform media sosial InvestSmart® untuk mendekati khalayak yang lebih luas, juga meningkatkan mesej kesedaran pencegahan skim penipuan.

InvestSmart® sering menghantar peringatan bahawa pelabur yang berdagang dengan entity atau individu yang tidak berlesen atau tidak berdaftar adalah tidak dilindungi di bawah undang-undang sekuriti di Malaysia, dan terdedah kepada risiko, seperti penipuan dan pengubahan wang haram.

Butiran lanjut inisiatif pemerkasaan pelabur SC melalui InvestSmart® terkandung di dalam Bahagian 4 (Penyata, Statistik dan Aktiviti).

Pengumuman Khidmat Masyarakat

SC meneruskan kerjasama dengan Kementerian Multimedia dan Komunikasi Malaysia untuk meningkatkan mesej kesedaran mengenai pencegahan skim penipuan di seluruh negara melalui pengumuman khidmat masyarakat dalam bentuk video. Video kesedaran dalam tiga bahagian yang bertajuk, '*Silap Labur Duit Lebur*' telah ditayangkan di saluran televisyen seluruh negara selama tiga bulan.

Memudahcarakan penyelesaian pertikaian

Pusat Penyelesaian Pertikaian Industri Sekuriti (SIDREC) ialah badan penyelesaian pertikaian yang bebas dan tidak berat sebelah bagi pasaran modal.

Pada 2021, SIDREC menerima 275 tuntutan dan pertanyaan (2020: 259), yang mana 47 daripadanya merupakan pertikaian yang layak. Meneruskan trend terdahulu, 88% daripada pertikaian yang layak pada 2021 telah diselesaikan melalui pengurusan kes dan pengantaraan tanpa perlu diteruskan ke proses adjudikasi.

Dalam 2021, memandangkan situasi pandemik, SIDREC terus menjalankan sesi pengantaraan dan pendengaran adjudikasinya sama ada secara maya sepenuhnya atau secara hibrid.

Memperkuh Perlindungan Kredit Pengguna

Kementerian Kewangan, BNM dan SC mencatat pencapaian baharu pada Julai 2021 dengan penubuhan Pasukan Petugas Lembaga Pemantauan Kredit Pengguna (CCOB). Pasukan Petugas ini bertanggungjawab untuk memacu inisiatif antara Kementerian untuk menggubal Akta Kredit Pengguna (CCA) dan menyediakan asas-asas utama untuk pengoperasian CCOB.

CCOB, sebagai sebuah pihak berkuasa bebas baharu di bawah Kementerian Kewangan, akan mengawasi semua aktiviti kredit pengguna, bermula dengan penyedia yang ketika ini tidak dikawal selia. Pada masa yang sama, BNM dan SC turut menjalankan kajian kebolehlaksanaan mengenai potensi penggabungan penyeliaan tatalaku bagi semua pengantara dalam industri kewangan di bawah pihak berkuasa tatalaku bersepadu yang baharu tersebut.